

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

FCP 454 Farmasi Klinikal Untuk Kes Khas

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan dan 10 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

ANGKA GILIRAN : _____

Soalan 1

(A) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai topik berikut.

- (i) Faktor-faktor pemendakan penyakit kulit.
- (ii) Berikan lima (5) contoh simptom kulit akibat daripada gangguan hormon tubuh.
- (iii) Senaraikan jenis-jenis lesi kulit yang melibatkan bahagian epidermis.

(15 markah)

(B) Bincangkan prinsip-prinsip am terapi topikal.

(10 markah)

Soalan 2

Encik KU telah dimasukkan ke hospital dengan aduan terdapat lesi yang tidak gatal di seluruh badannya sejak 6 bulan yang lalu.

Biodata : Jantina = Lelaki
Umur = 35 tahun
Berat Badan = 63 kg.

Riwayat sosial : Perokok

Pemeriksaan Fisikal : Lesi - makul, infiltrasi membur.
- sebaran seluruh badan.
- simetrikal
- masih ada sensasi

ANGKA GILIRAN : _____

Ujian makmal : AFB lesi kulit : MI = 50% BI = 4+
Ujian lepromin = negatif
Ujian fungsi hepar = WNL
Ujian fungsi renal = WNL
Ujian hematologi = WNL
Rawatan : Terapi gabungan drug antileprosi
Diagnosis : Leprosi lepromatus

(A) Apakah matlamat rawatan leprosi? Huraikan objektif terapi gabungan drug.

(4 markah)

(B) Apakah dimaksudkan dengan BI dan MI serta bincangkan implikasi nilai-nilai ini ke atas terapi En. KU.

(4 markah)

(C) Cadangkan satu regimen gabungan drug antileprosi untuk En. KU dan bincangkan mekanisme tindakan, farmakokinetik serta kesan mudarat drug-drug tersebut.

(12 markah)

...4/-

ANGKA GILIRAN : _____

- (D) Terangkan pemantauan dan jagaan susulan yang perlu dijalankan untuk En. KU.

(5 markah)

Soalan 3

Bincangkan perkara-perkara berikut:-

- (A) Kebaikan penyusuan ibu (breast-feeding) berbanding dengan pemberian susu formula.

(7 markah)

- (B) Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan semasa pemilihan drug untuk ibu yang masih menyusu bayinya.

(8 markah)

- (C) Penggunaan parasetamol dan aspirin bagi wanita hamil.

(10 markah)

...5/-

ANGKA GILIRAN: _____

Soalan 4

B.D. seorang pesakit lelaki berumur 45 tahun telah dibawa oleh pegawai polis ke hospital kerana mengganggu lalulintas di kawasan bandar. Pegawai polis tersebut memberitahu Encik B.D. telah memberi arahan jalan kepada pemandu-pemandu kenderaan dengan berdiri di tengah simpang empat lampu isyarat dan akan marah kepada setiap pemandu yang tidak mahu mengikut arahnya. Semasa ditemubual di hospital B.D memberitahu bahawa beliau telah menerima arahan Ketua Polis untuk menjalankan tugas polis lalulintas dan jika beliau tidak menjalankan tugas itu ia akan dibuang kerja.

PMHx : Mengidap skizofrenia semenjak lima tahun yang lepas dan sekarang dirawat dengan klorpromazin oral 400mg b.i.d. Telah dimasukkan ke hospital sebanyak 4 kali sebelum ini dan tidak komplians terhadap ubatnya.

Soc.Hx : Tinggal dengan seorang ibu yang telah tua dan tidak merokok.

O/E : Pemeriksaan fizikal tidak dapat dilakukan. Secara am keadaan fizikal B.D. kelihatan dengan pakaian yang tidak terurus, kotor, rambut panjang yang berdaki dan menjawab dengan nada monotonus apabila ditanya. Beliau masih berorientasi terhadap individu dan memberitahu masih menerima arahan daripada Ketua Polis untuk menjalankan tugas mengawal lalulintas. Semasa temubual B.D. memberi tahu yang beliau akan dibuang kerja dan mendapat hukuman daripada Ketua Polis. B.D juga memberitahu yang ia akan menjalani hukuman kerana sekarang mulutnya berasa kering, perut sembelit dan pitam apabila bangun kerana ia akan kehilangan kuasa apabila dibuang kerja. Pada akhir temubual B.D. menjadi lebih agitasi dan menjerit dengan kuatnya.

Diagnosis : Skizofrenia akut.

...6/-

ANGKA GILIRAN : _____

- A. Terangkan dengan ringkas simptom (-simptom) skizofrenia akut B.D.

(5 markah)

- B. B.D. tidak diberikan rawatan neuroleptisasi cepat. Apakah maksud neuroleptisasi cepat? Terangkan kebaikan dan keburukan neuroleptisasi cepat berbanding dengan rawatan yang diterima oleh pesakit ini.

(10 markah)

- C. Semasa memonitor pesakit B.D, anda mendapati yang ia mengalami beberapa simptom kesan sampingan klorpromazin. Apakah kesan sampingan tersebut? Berikan langkah (-langkah) untuk mengatasi masalah tersebut.

(5 markah)

- D. Setelah sebulan dirawat dengan klorpromazin, keadaan B.D menjadi stabil dan akan discas dari hospital tetapi doktor yang merawat pesakit ini bimbang tentang masalah komplians yang selalu menjadi punca kemasukan B.D ke wad. Apakah cadangan anda kepada doktor tersebut?

(5 markah)

...7/-

ANGKA GILIRAN : _____

Soalan 5

Seorang perempuan cina berumur 40 tahun dan berat badan 40 kg telah dimasukkan ke wad psikiatri kerana tidak makan beberapa hari dan tidak tidur pada waktu malam, sepertimana yang dilaporkan oleh anak lelakinya.

PMHx: Mengidap hipertensi yang dirawat dengan hidroklotiazid oral 50 mg setiap pagi.
MDP yang dirawat dengan imipramin oral 25 mg t.i.d

Soc.Hx: Pernah cuba ingin membunuh diri selepas ia berpisah dengan suaminya lebih kurang setahun yang lepas.

O/E : Pemeriksaan status mental menunjukkan beliau tidak mahu bercakap semasa ditemubual, duduk di kerusi perlahan-lahan, mengalihkan pandangan semasa ditanya dan memperlihatkan perasaan kebimbangan. Semasa ditemubual selanjutnya, mengapa tidak makan? Pesakit menjawab "lebih baik saya mati dari hidup yang menyusahkan orang lain" serta menitikiskan air mata.

VS : BP 140/95 mmHg RR 16 denyut/min PR 80 denyut/min

Diagnosis: Hipertensi kronik dengan rawatan yang sama.
MDP yang tidak terkawal dan mulakan rawatan antidepresi.

A. Terangkan dengan ringkas simptom (-simptom) target depresi yang terdapat pada pesakit ini.

(5 markah)

...8/-

ANGKA GILIRAN : _____

- B. Cadangkan regimen antidepresi yang sesuai untuk pesakit ini dan bincangkan pemantauan yang perlu dilakukan.

(10 markah)

- C. Pesakit di atas mempunyai sejarah cuba membunuh diri. Beliau perlu diberikan agen antidepresi generasi kedua yang lebih selamat. Senaraikan agen-agen antidepresi generasi kedua dan bincangkan kebaikan dan keburukannya berbanding dengan agen antidepresi generasi pertama.

(10 markah)

...9/-

LampiranSenarai Nilai Normal Makmal

1.	Ammonia	80-110 mcg/dl	<u>atau</u>	47-65 mol/L
2.	Amilase	4-25 IU/ml		
3.	Bilirubin			
	- Langsung	0-0.2 mg/gl		0-3 mol/L
	- Tak Langsung	0.2-0.8 mg/dl		30-14 mol/L
	- Total	0.2-1 mg/dl		30-17 mol/L
4.	CO ₂	20-30 mEq/L		24-30 mMol/L
5.	pCO ₂	35-45 mmHg		
6.	Cl	100-106 mEq/L		100-106 mMol/L
7.	Cpk	lelaki wanita	5-55 mU/ml 5-35 mU/ml	0.08-0.91 mMol/L 0.08-0.58 mMol/L
8.	Kreatinin (SCr)	0.6-1.5 mg/do		60-130 mol/L
9.	Glukos rawak	70-110 mg/dl		3-10 mol/L
10.	Zat besi	50-150 mcg/dl		9.0-26.9 mol/L
11.	Laktik dehidrogenase	60-120 Iu/ml		1.0-2.0 mol s ⁻¹ /L
12.	Magnesium	1.5-2.0 mEq/L		0.8-1.3 mMol/L
13.	pO ₂	75-100 mmHg		
14.	pH	7.35-7.45		
15.	Asid fosfatase	lelaki wanita	0.13-0.63 IU/ml 0.01-0.65 IU/ml	36-175 nmol s ⁻¹ /L 2.8-156 nmol s ⁻¹ /L
16.	Alkalin fosfatase	13-39 IU/L		0.22-0.65 mol/L
17.	Fosforus	3.0-4.5 mg/dl		1.0-1.5 mMol/L
18.	Kalium (K ⁺)	3.5-5.0 mEq/L		3.5-5.0 mMol/L
19.	Kalsium (Ca ²⁺)	8.5-10.5 mg/dl		2.1-2.6 mMol/L
20.	Na ⁺	135-145 mEq/L		135-145 mMol/L
21.	HCO ₃ ⁻	24-38 mEq/L		24-28 mMol/L

22.	Protein		
	- Total	6.0-8.5 g/dl	60-85 g/L
	- Albumin	3.5-5.0 g/dl	35-50 g/L
	- Globulin	2.3-3.5 g/dl	23-35 g/L
	- Transferin	200-400 mg/dl	2.0-9.0 g/L
23.	Transminase (SGOT)	10-40 IU/ml	0.08-0.32 mol s ⁻¹ /L
24.	BUN	8-25 mg/dl	2.9-8.9 mMol/L
25.	Asid urik	3-7 mg/dl	0.18-0.42 mMol/L
26.	Gambaran darah		
	Sel darah merah (RBC)		
	lelaki	4.8-6.4 x 10 ⁶ /mm ³	
	wanita	4.2-5.4 x 10 ⁶ /mm ³	
	Sel darah putih (WBC)	4.0-11.0 x 10 ³ /mm ³	
	P	60-75%	
	L	20-40%	
	U	4-8%	
	B	0-1%	
	E	1-3%	
	Platelat (Plt)	200-400 x 10 ³ /mm ³	
27.	ESR - lelaki	0-10 mm/jam (Wintrobe)	
	wanita	0-15 mm/jam (Wintrobe)	
28.	Hematokrit		
	lelaki	45-52%	
	wanita	37-48%	
29.	Hemoglobin (Hgb)		
	lelaki	13-18 g/dl	
	wanita	12-16 g/dl	
30.	Masa protrombin (PT)	75-100% nilai asas	
31.	APTT	25-37 saat	
32.	Klearens kreatinin (CrCl)	105-150 ml/min/1.73 m ²	